



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK IBRAHIM BIN HASSAN DAN PUAN ZAITON BINTI YAZID  
USAHAWAN**

**OLEH:**

NUR SHAHIRAH BINTI HAMZAH 2021127949  
NUR AMIRAH NAJIHNAH BINTI AZMAN 2021127967

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA:**

:FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK IBRAHIM BIN HASSAN DAN PUAN ZAITON BINTI YAZID  
USAHAWAN

OLEH:

NUR SHAHIRAH BINTI HAMZAH 2021127949  
NUR AMIRAH NAJNAH BINTI AZMAN 2021127967

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
SENARAI SINGKATAN	vi
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	7
1.1 PENEMUBUAL 1	7
1.2 PENEMUBUAL 2	8
2.0 TOKOH	9
2.1 BIODATA TOKOH 1	9
2.2 BIODATA ISTERI	10
3.0 PENGENALAN	11
3.1 PENDAHULUAN	11
3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	12
3.3 PERMASALAHAN KAJIAN	12
3.3.1 Batik tempatan telah berkurang dari semasa ke semasa.	12
3.3.2 Terdapat batik tiruan yang semakin berleluasa.	13
3.4 OBJEKTIF KAJIAN	13
3.4.1 Aspek Sejarah dan Budaya	13
3.4.2 Aspek Material dan Pewarna	13
3.5 PERSOALAN KAJIAN	13
3.5.1 Keunikan yang terdapat pada batik.	13
3.5.2 Warna yang digunakan.	13
3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	14
4.0 TINJAUAN LITERATUR	15

4.1 PEMBUATAN BATIK	15
4.2 PERUSAHAAN BATIK	15
5.0 METODOLOGI	16
5.1 PENDEKATAN KAJIAN	16
5.2. PESERTA KAJIAN	16
5.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	16
5.3.2 Mendapatkan Izin dan Persetujuan	16
5.3.3 Pelaksanaan Pengumpulan Data	17
5.4 CARTA GANTT PROJEK	17
6.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	18
A. LATAR BELAKANG	18
B. SEJARAH PENDIDIKAN	29
C. KERJAYA AWAL	41
D. KERJAYA SENI	53
E. SUMBANGAN	66
F. HARAPAN	68
7.0 RALAT	72
8.0 LOG TEMUBUAL	73
9.0 HASIL KAJIAN	78
INDEKS	84
RUJUKAN	85
LAMPIRAN	86

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugasan bagi kod IMR604 - Oral Documentation ini dengan jayanya. Dengan kesempatan ini, kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugasan yang diberikan dan tidak putus-putus memberi tunjuk ajar kepada kami dalam usaha membantu menyempurnakan tugasan ini.

Tambahan pula, kami juga turut berterima kasih kepada Encik Ibrahim bin Hassan dan Puan Zaiton binti Yazid kerana telah meluangkan masa dan memberi Kerjasama yang sangat baik sepanjang temubual kami bersama beliau dan banyak berkongsi pengalaman beliau bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugasan ini dengan jayanya. Malah kami merasa bertuah kerana mendapat tokoh yang amat mudah untuk bekerjasama.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak. Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak sepanjang proses pembuatan transkrip ini selesai. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama seorang pemilik perusahaan batik yang terkenal di Kelantan yang bernama Encik Ibrahim Bin Hassan, yang berumur 68 tahun khususnya bagi merungkai mengenai penglibatan beliau dalam bidang perusahaan batik. Beliau sudah bertapak dalam industri perusahaan batik selama 53 tahun bermula dari tahun 1970 sehingga kini. Transkrip temubual ini telah diadakan di Lembah sireh, Kelantan bermula 10 pagi sehingga 12 tengah hari pada tarikh 5 Julai 2023. Beliau masih bergiat aktif dalam perusahaan batik. Pelbagai peristiwa, ujian, masalah yang dihadapinya semasa bergiat dalam industri batik. Sejarah dan perjalanan Encik Ibrahim sebagai pengusaha batik boleh dijadikan inspirasi dan semangat untuk komuniti melalui temubual ini.

Kata Kunci: Pemilik, batik, perusahaan, sejarah, inspirasi

## ABSTRACT

This interview was conducted with a renowned batik company owner from Kelantan named Mr. Ibrahim Bin Hassan, who is 68 years old, specifically to uncover his involvement in the batik industry. He has been established in the batik manufacturing sector for 53 years, starting from 1970 until the present day. The interview transcript took place in Lembah Sireh, Kelantan, from 10 a.m. to 12 noon on July 5, 2023. Mr. Ibrahim is still actively engaged in the batik business. The interview covers various events, challenges, and experiences he encountered throughout his journey in the batik industry. His history and journey as a batik entrepreneur can serve as inspiration and motivation for the community.

Keywords: owner, batik, company, history, inspiration

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
NS	NUR SHAHIRAH
NAN	NUR AMIRAH NAJIAH
IH	IBRAHIM HASSAN
ZY	ZAITON YAZID
UITM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
IKN	INSTITUSI KRAFTANGAN NEGARA
RISDA	RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY
UniMaS	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
KL	KUALA LUMPUR
U	UNIVERSITI
MCE	MALAYSIAN CERTIFICATE OF EDUCATION
SPM	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
RTC	RURAL TRANSFORMATION CENTER
SIC	SULTAN ISMAIL COLLEGE

## **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

### **1.1 PENEMUBUAL 1**



Nama	NUR SHAHIRAH BINTI HAMZAH
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	
Alamat	KOTA BHARU, KELANTAN
No. Telefon	
E-mel	
Program	PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT [IM245]
Kelas	D1 IM245 5A

## 1.2 PENEMUBUAL 2



Nama	NUR AMIRAH NAJIHAH BINTI AZMAN
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	
Alamat	KEMAMAN, TERENGGANU
No. Telefon	
E-mel	
Program	PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT [IM245]
Kelas	D1 IM245 5A

## **2.0 TOKOH**

### **2.1 BIODATA TOKOH 1**



Nama	HAJI IBRAHIM BIN HASSAN
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	
Alamat	KOTA BHARU KELANTAN
Pekerjaan	PENGUSAHA BATIK

## **2.2 BIODATA ISTERI**



Nama	HAJJAH ZAITON BINTI YAZID
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	KOTA BHARU KELANTAN
Alamat	
Pekerjaan	PENGUSAHA BATIK

### **3.0 PENGENALAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Kajian ini berkaitan dengan temubual bersama Encik Ibrahim bin Hassan. Batik adalah seni kerjaya yang indah dan kaya akan sejarah, yang telah menjadi warisan budaya yang berharga bagi banyak masyarakat di seluruh dunia. Seni batik melibatkan proses mencantumkan motif atau pola pada kain dengan menggunakan lilin sebagai bahan penghalang. Proses ini melibatkan ketelitian, kreativiti, dan keterampilan tangan yang tinggi. Pembuat batik adalah orang-orang berbakat yang mendalami seni ini dengan sepenuh hati. Mereka adalah seorang yang rajin dan yang tekun, menghabiskan waktu berjam-jam untuk menciptakan rekaan yang mengagumkan dan menggambarkan motif secara lebih.

Batik Malaysia merupakan seni tekstil Batik dari Malaysia, terutamanya di bahagian pantai timur Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Batik Malaysia menggunakan motif flora dan jarang menggunakan motif makhluk hidup seperti manusia dan haiwan selaras dengan larangan dalam Islam menggunakan imej haiwan sebagai hiasan. Namun begitu tema rama-rama masih banyak digunakan dalam Batik Malaysia. Batik Malaysia juga terkenal dengan rekaan geometrik. Cara penghasilan batik Malaysia agak berbeza dari batik Jawa di Indonesia iaitu coraknya lebih besar dan lebih ringkas. Selain itu, canting juga jarang atau tidak digunakan dalam mencipta corak-corak yang rumit. Warna-warna yang digunakan dalam batik Malaysia juga lebih cerah berbanding batik Jawa. Sejajar dengan konsep Malaysia, kerajaan Malaysia turut mengiktiraf batik Malaysia sebagai pakaian kebangsaan untuk setiap peringkat penduduk umum, dengan menyediakan perekat tempatan bagi mencipta reka bentuk batik baru yang mencerminkan identiti Malaysia.

Menggunakan berbagai alat seperti canting, tekap, dan kapas, mereka mengolah kain putih menjadi karya seni yang memukau. Melalui upaya dan dedikasi mereka, seni batik tetap hidup dan terus berkembang sebagai simbol keseragaman dan keindahan Malaysia dan dunia. Dengan bangga, rakyat menyambut keindahan batik sebagai simbol keajaiban kreativiti manusia yang tak terbatas. Sejarah batik mencatat jejaknya kembali ribuan tahun yang lalu, dan teknik ini telah diwariskan dari generasi ke generasi. Dalam era modern ini, meskipun teknologi telah memberikan beberapa kemudahan dalam proses pembuatan batik, banyak pembuat batik yang masih mempertahankan nilai-nilai tradisional dan teknik yang diwariskan dari generasi ke generasi. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya memahami dan menghargai nilai budaya

serta upaya para pembuat batik dalam melestarikan seni ini. Pemakaian batik Malaysia di kalangan lelaki kebiasaannya untuk majlis makan malam. Manakala untuk wanita, batik Malaysia sering dijadikan pakaian rasmi dengan menggabungkan batik dan fesyen moden. Penghasilan batik lukisan tangan di Malaysia pada hari ini mempunyai kaitan dengan batik tulis Jawa. Batik memiliki berbagai warna dan corak pada beberapa jenisnya. Keragaman dan perbedaan masing-masing jenis batik tersebut merupakan hasil dari pengaruh latar belakang sejarah, budaya, dan geografis dari suatu masyarakat.

### **3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian yang akan dilakukan ialah oral documentation atau dalam istilah melayu ialah sejarah lisan. Kajian ini dilakukan secara lisan bersemuka di rumah beliau. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk mendalami dan mengetahui pengalaman serta sumbangan beliau sebagai seorang tokoh dalam industri batik. Kajian ini dilakukan untuk mengumpul sebanyak mungkin maklumat mengenai beliau dan perusahaan beliau. Segala maklumat yang diberikan telah direkodkan serta dirumuskan untuk dijadikan bahan rujukan dan bagi menghargai jasa beliau dalam industri batik di tanah air kita.

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan temubual bersama Encik Ibrahim bin Hassan. Berikut adalah merupakan temubual secara lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam industri batik. Encik Ibrahim bin Hassan yang merupakan seorang pemilik perusahaan batik yang terkenal di Kelantan. Batik yang dibuat oleh beliau juga terdapat di beberapa kedai batik di sekitar Kelantan dan juga Luar Negara. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 Julai 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10 pagi bertempat di Lembah sireh, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Shahirah Binti Hamzah dan Nur Amirah Najihah Binti Azman.

### **3.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

#### **3.3.1 Batik tempatan telah berkurang dari semasa ke semasa.**

Batik sekarang telah kurang mendapat tempahan. Kebiasaan tradisi bagi pihak kerajaan atau sekolah berasrama penuh memakai baju batik pada hari khamis mampu membantu pemilik perusahaan batik tetapi sekarang pihak kerajaan tidak lagi menggunakan batik tempatan pada hari khamis.

### **3.3.2 Terdapat batik tiruan yang semakin berleluasa.**

Batik tiruan mengakibatkan permintaan batik tempatan berkurang. Kini, kebanyakannya pemakai batik memakai batik yang murah dan batik tiruan. Batik tiruan ini juga mengakibatkan pengusaha batik menghadapi masalah. Batik tiruan dapat dibuat dengan menggunakan cetakan atau alat-alat modern seperti stempel, printing, atau mesin cetak digital untuk menciptakan motif yang serupa dengan batik asli.

## **3.4 OBJEKTIF KAJIAN**

### **3.4.1 Aspek Sejarah dan Budaya**

Mempelajari aspek sejarah batik dari masa lampau hingga perkembangan dan transformasi batik dalam masyarakat modern. Kajian ini dapat mengungkapkan jenis batik dalam budaya dan tradisi masyarakat serta bagaimana seni ini berkembang sebagai simbol identiti budaya.

### **3.4.2 Aspek Material dan Pewarna**

Mengenal pasti jenis kain yang digunakan dalam pembuatan batik, seperti kain kapas, sutra, atau ryon, dan juga melihat jenis-jenis pewarna alami atau kimia yang digunakan dalam proses pewarnaan. Tujuan dari kajian ini adalah untuk menilai bahan dan pewarna yang berbeda terhadap kualitas dan ketahanan batik.

## **3.5 PERSOALAN KAJIAN**

### **3.5.1 Keunikan yang terdapat pada batik.**

Batik memiliki pelbagai corak dan motif khas, yang mencerminkan identiti budaya dan perwatakan dari suatu negeri. Setiap corak dan motif memiliki makna tersendiri, sering kali mengandung cerita sejarah, mitologi, simbolik, atau nilai-nilai budaya yang mendalam.

### **3.5.2 Warna yang digunakan.**

Batik dapat diwarnai dengan berbagai jenis pewarna, termasuk pewarna alami dari tumbuh-tumbuhan atau pewarna kimia modern. Kreativiti dalam pewarnaan membuat batik memiliki warna yang mewah dan menarik.

## **3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini memberikan maklumat yang berharga bagi perusahaan atau organisasi yang terlibat dalam industri batik. Dengan mendapatkan pemahaman mendalam tentang tantangan dan peluang dalam industri batik, organisasi dapat merencanakan strategi perniagaan yang lebih baik. Informasi ini dapat membantu organisasi untuk meningkatkan kualiti produk, dan menghadapi persaingan dengan lebih baik di pasar global. Kajian ini juga memiliki dampak positif bagi masyarakat yang terlibat dalam produksi batik atau yang memiliki kepentingan budaya dan ekonomi dalam industri ini. Dengan mengidentifikasi tantangan dan keinginan dalam industri batik, hasil kajian ini dapat kerja, meningkatkan taraf hidup pengrajin batik, dan meningkatkan kesadaran tentang pentingnya melestarikan budaya batik. Kajian ini memiliki implikasi penting bagi negara dan agensi pemerintah yang bertanggung jawab atas keberlanjutan ekonomi, sosial, dan budaya. Informasi dari hasil kajian dapat digunakan untuk merumuskan kebijakan yang menyokong perkembangan industri batik sebagai bagian dari strategi ekonomi kreatif.

## **4.0 TINJAUAN LITERATUR**

### **4.1 PEMBUATAN BATIK**

Malaysia dan Indonesia dikenali sebagai pengeluar batik yang produktif di Asia Tenggara. Sejarah batik di kedua negara ini bersilang-menyalang selama lebih daripada satu abad. Kebanyakan karya terbitan yang berkaitan dengan pengeluaran batik, cabaran, dan inovasi dibincangkan dalam konteks batik tempatan setiap negara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti secara kolektif sejauh mana perkembangan batik sebagai industri kreatif di kedua-dua negara sejak penubuhannya hingga abad ke-21 ini. Perlu dinyatakan bahawa kerajinan batik telah kebanyakannya dikekalkan kerana alat dan teknik yang serupa masih digunakan secara berterusan hingga hari ini di kedua-dua negara. Kemajuan yang ketara diperhatikan dalam reka bentuk dan stilisasi rekaan batik dengan penggunaan pendekatan digital seperti geometri fraktal. Masalah mencabar yang hampir serupa yang dihadapi oleh kedua-dua negara telah diberi penekanan dan dikumpulkan menjadi isu dalaman dan luaran.

### **4.2 PERUSAHAAN BATIK**

Perusahaan batik memiliki peluang yang sangat menjanjikan, terutama kerana batik adalah sebahagian penting daripada warisan budaya Malaysia dan semakin mendapat penghargaan dari pelbagai pihak, baik dalam negara maupun antarabangsa. Batik telah menjadi sebahagian daripada industri fesyen, sama ada dalam bentuk pakaian yang siap dipakai, aksesori, atau kasut dan beg. Batik Malaysia juga memberikan peluang perniagaan yang menarik, sama ada dalam pengeluaran pakaian, aksesori, hiasan dalaman, atau souvenir. Pengusaha dapat mencipta produk-produk yang menggabungkan elemen tradisional dan moden. Batik Malaysia mencerminkan kepelbagaiannya budaya dan identiti negara ini. Ia bukan sahaja merupakan satu bentuk seni, tetapi juga suatu simbol penting dalam warisan dan kebudayaan Malaysia.

## **5.0 METODOLOGI**

### **5.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Kaedah secara lisan merupakan salah satu jenis cara penelitian yang merupakan interaksi secara langsung antara penemu ramah dengan pemilik perusahaan batik tersebut melalui wawancara, observasi, atau perbincangan. Pendekatan ini memungkinkan peneliti untuk mengumpulkan data dalam bentuk lisan, seperti percakapan, tanggapan, atau cerita dari peserta penelitian.

### **5.2. PESERTA KAJIAN**

Pemilik perusahaan batik dan isterinya merupakan peserta bagi kajian ini. Encik Ibrahim Bin Hassan dan Puan Zaiton Yazid. Beliau merupakan seorang perusahaan batik di Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan dan juga pengedar batik di Malaysia, Brunei dan Singapura. Selepas Covid-19, perniagaan beliau semakin berkurang. Hal ini kerana, permintaan dan penggunaan batik sewaktu itu tidak berkembang.

### **5.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data adalah tahap penting dalam proses penelitian atau kajian. Ini melibatkan pengumpulan informasi yang relevan dan diperlukan untuk menjawab pertanyaan penelitian atau mencapai tujuan kajian. Berikut adalah penerangan mengenai prosedur dan langkah-langkah pengumpulan data dalam sebuah kajian:

#### **5.3.1 Pemilihan Cara Pengumpulan Data**

Pilih cara pengumpulan data yang sesuai dengan pertanyaan dan jenis data yang diperlukan. Cara umum yang digunakan adalah wawancara, dan analisis latar belakang

#### **5.3.2 Mendapatkan Izin dan Persetujuan**

Sebelum memulai pengumpulan data, pastikan untuk mendapatkan izin dari pihak terkait, seperti responden atau pihak yang berkaitan. Jelaskan tujuan kajian dan meminta persetujuan sebelum memulai pengumpulan data.

### **5.3.3 Pelaksanaan Pengumpulan Data**

Lakukan pengumpulan data sesuai dengan cara yang telah dipilih. Misalnya, jika menggunakan wawancara, lakukan wawancara face to face atau melalui platform online sesuai dengan keadaan.

### **5.4 CARTA GANTT PROJEK**

Projek	Tarikh Mula	Tarikh Selesai	Tempoh
Rancangan Awal	20/03/2023	25/03/2023	5 hari
Membuat Soalan	28/03/2023	1/05/2023	35 hari
Persiapan Temu Bual	01/06/2023	07/06/2023	7 hari
Proses Temu Bual	05/07/2023	05/07/2023	1 hari
Pembuatan Transkrip	06/07/2023	08/08/2023	32 hari

## **6.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

**NS:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam industri batik. Bersama kami ialah Encik Ibrahim bin Hassan yang merupakan seorang pemilik perusahaan batik yang terkenal di Kelantan. Batik yang dibuat oleh beliau juga terdapat di beberapa kedai batik di sekitar Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 July 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10 pagi bertempat di Lembah sireh, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Shahirah Binti Hamzah dan Nur Amira Najihah Binti Azman. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Assalamualaikum encik, apa khabar? Temu bual ini dimulakan dengan Topik Latar Belakang Encik.

<b>PETUNJUK</b>	
NS	NUR SHAHIRAH
NAN	NUR AMIRAH NAJIHAH
IH	IBRAHIM HASSAN
ZY	ZAITON YAZID

### **A. LATAR BELAKANG**

**NS : Bolehkah kami tahu nama penuh Encik?**

IH : Nama saya Ibrahim Bin Hassan

**NS : Adakah Encik mempunyai nama panggilan atau nama yang sering dipanggil oleh kenalan?**

IH : Ada, panggil Ibrahim, haji Ibrahim

**NS : Apakah nama penuh bapa Encik?**

IH : Hassan Sulaiman

**NS : Apakah nama penuh ibu Encik?**

IH : Bidah Binti Deraim

**NS : Bila dan dimanakah Encik dilahirkan?**

IH : Aaaa...., Kampung Sireh bawah lembah tahun smile [sembilan] belas limo [lima] puluh limo [lima] [1955]

**NS : Berapakah bilangan adik- beradik Encik?**

IH : Sepuluh [10]

**NS : Pada tahun berapakah Encik mendirikan rumah tangga?**

IH : Tak [tidak] ingat, tahun berapa eh (ketawa)

ZY : Tahun smiley [sembilan] belas tujoh [tujuh] puluh lapey [lapan] 1978 atau 1979 smiley [sembilan] belas tujoh [tujuh] puluh smiley [sembilan] gitu lah [begitulah]

**NS : Boleh kami tahu apakah nama isteri Encik?**

IH : Zaiton Yazid.

**NS : Apakah pekerjaan isteri Encik?**

IH : Kerja sekarang ni [ini] kerja sekali lah

ZY : Buat masa sekarang ni cuma jadi macam bantulah dari segi perniagaan

**NS : Bolehkah Encik kongsikan sedikit sebanyak mengenai perkahwinan Encik?**

IH : Ada (ketawa) sentiasa bahagia takdok [tiada] gapo [apa-apa] (ketawa)

**NS : Bolehkah kami tahu Encik mempunyai berapa orang anak?**

IH : Anak neyy [6] ney ore [6 orang]

**NS : Adakah Encik masih mempunyai anak yang dalam tanggungan universiti atau semuanya sudah bekerja?**

IH : Tiada baru tamat jah (mengangguk)

ZY : Baru tamat ngaji [belajar] baru bekerja.

IH : Baru setahun [1] tahun

**NS : Adakah anak-anak Encik sudah berkahwin semuanya?**

IH : Sorey lagi [Seorang lagi] Satu ore [1 orang] bongsu lah hak [yang] baru habis ngaji [belajar]

ZY : Dok [belum] lagi

**NS : Adakah Encik sudah mempunyai cucu sekarang?**

IH : Ada duo [2] tiga [3] semiley [9] sebelas [11] ore [orang] (ketawa) pakcik tak ingat doh [pakcik dah lupa] (ketawa)

ZY : Sebelas [11] [senyum]

**NS : Boleh Encik kongsikan tentang pengalaman pada zaman kanak-kanak?**

IH : Tuhulah pengalamey [pengalaman] macey [macam] mana tok [tidak] tahu [senyum]

NS : Macey [Macam] pengalaman yang manis masa zaman kanak-kanak

ZY : Zaman dulu [dahulu] zaman sekarang tak sama zaman dulu [dahulu] bermain cara kampung kan

IH : Dulu main [bermain] kampung kalau musim banjir main banjir (ketawa)

ZY : Main outdoor [luar rumah] sekarang ni takde [tiada] dai kan ikutlah main outdoor [lura rumah] game [permainan] bola, selalu mandi sungai

IH : Bola ada bola keranjey [keranjang] ada gapo macey-macey [macam-macam] di kampung lah

ZY : Tak sama dengan zaman sekarang kan semua dalam rumah kan nak keluar rumah pon orang tua tak [tidak] bagi nak duk [duduk] bawah sorey [seorang] pon mesti kita bimbey [bimbang] kei [kan]. Dulu kita masuk hutey [hutan] keluar hutey [hutan] pon ore tua tak kesoh [kesah] balik-balik pong [pun] kena berleter macam tu [itu] jah [saja] . Kalu [kalau] dulu kalau takde [tiada] macam tu cari macam sekarang cari kan. Haaa cari sekarang

**NS : Bolehkah Encik ceritakan tentang cara didikan dan asuhan yang diberikan oleh ibu dan ayah kepada Encik dan adik beradik?**

IH : Asuhan gano [macam mana]

NS : Cara didikan dan asuhan. Macey [macam] gano [mana] dia ajar pokcik [pakcik] untuk belajar

ZY : Antara dia dengey [dengan] saya sama jah [sahaja]

IH : Ayah sayo [saya] bercucuk tanam jah [sahaja] kat [dekat] lembah sireh lepas [selepas] tu [itu] gak..saya kecik-kecik bercucuk tanamlah tolong ibubapa tu [itu] je [sahaja]

ZY : Macam saya ni [ini] ibu bapa bekerja jadi kita anak-anak takdelah [tiada] kijo [kerja] sangat takdok [tiada] nak tolong ibu bapa orang hak [yang] kijo [bekerja] kei [kan], yalah macam tu [itu] lah kerja harian kita mainlah [bermain] nak tolong dia pong [pun] dia kijo [kerja] kei [kan] takdok [tiada] lah kijo [kerja] ,macam dia ni [ini] kijo [kerja] sendiri petani lah adalah masa untuk dia tulong [tolong] kei [kan] adalah kadey-kadey [kadang-kadang] ayah tu balik kijo [kerja] petang-petang adalah sikit tolong-tolong gitu [macam itu] tapi urusan dia tu [itu] bekerjalah kijo [kerja] government [kerajaan] ni lah kijo [kerja] government [kerajaan] kan haaa

NS : Apakah aktiviti yang Encik sering lakukan sekiranya mempunyai masa lapang?

IH : Kalu [Kalau] saya dulu [dahulu] petey [petang] gak [kan] main bolalah masa muda-muda (ketawa)

NS : Loni? [Sekarang]

IH : Tak [Tidak] main [bermain] doh [dah] saya ada nyakit [penyakit] apa jantung apa semua takleh [tidak boleh] main [bermain] [senyum]

NS : Makcik?

IH : Makcik pon [pun] tak [tidak] main [bermain] pon [pun]

ZY : Dulu pong [pun] gitulah [begitu] main [bermain] gi [pergi] rumoh [rumah] kawe [kawan] macam tu [itu] lah

NS : Main [bermain] masok-masok [masak-masak] [senyum]

NAN : (ketawa)

ZY : Main [bermain] masok-masok [masak-masak] kei [kan] zaman loni [sekarang] mana ado [ada] kei [kan],dok [tidak] loni [sekarang] dulu kito [kita] main [bermain] nga [dengan] tanoh [tanah] wak [membuat] kueh [kuih] loni [sekarang] dok [tidak] loni [sekarang] lupa [dilupakan] dahlah [sudah] loni [sekarang] nga [dengan] talipong [telefon] jah [saja]

NAN : Talipong [telefon]

NS : Loni [sekarang] nga [dengan] gajet

NS : Apakah cita-cita yang Encik impikan sewaktu kecil sebelum menjadi seorang yang pakar dalam bidang batik?

NS : Cita-cita encik masa [semasa] kecik [kecil]

IH : Aaaaa, saya buat...saya ni ngaji [belajar] rendah dok [kan], kat s aaaa srp jah tapi saya habis kijo [kerja] habis ngaji [belajar] tu saya kijo [kerja] ngan [dengan] ore [orang], kijo [kerja] ngan [dengan] ore [orang] tepak [tempat] wak [membuat] batik anak beranok [beranak] saya jugaklah apabila aaaa saya bekerja ngan dia lama-lama saya lamatu [bunyi notifikasi telefon] semua dia ajar ko [dekat] saya buat warna lah gapo [apa] semo [semua] dia cakap aaa lama-lama boleh wak [buat] sendiri lah aaatu adalah cita-cita nak wak sendiri tu

NS : oooo kironyo [kiranya] cita-cita pokcik [pakcik] nak jadi batik jugoklah [jugaklah]

IH : haaa kijo ngan batik [bunyi suara budak] dah ngaji tok panda doh (ketawa)

NS : Aaaa...macam mana puan?

ZY : Macam saya ni macam saya ni kehidupan saya macam dalam [bunyi barang jatuh] bandar sikit kei [kan] macam aaaa...ayah saya macam suh [suruh] belajar-belajar sampai ke berjaya tapi tak [tidak] berjaya sampai MCE pastu saya ni masatu MCE bukan SPM kan MCE belajar-belajar sampai MCE lah pahtu mitok-mitok [mintak-mintak] kijo [kerja] bolehlah kijo [kerja] kijo [kerja] macey [macam] kerani macam tu lah dulukan haa dululah lepastu kahwin ngan [dengan] pakcik ni dia dia meniagakan pastu dia amik keda [kedai] masatu saya kijo [kerja] lagi kijo [kerja] kijo [kerja] tu macam daripada kita cara kijo [kerja] lebih baik kita ngajar [mengajar] sedangkan kito pong [pun] bukan gaji besar pong [pun] jadi breti [berhenti] lah kijo [kerja] pastuh [lepastu]

NS : Seterusnya,

IH : Jual kain sendiri lah amik keda [kedai] (ketawa)

NS : Oooo

ZY : Jual kain sendiri lah dah ada keda [kedai] kei [kan]

IH : Ho ada keda [kedai] atas pasar lah [menggayakan tangan]

ZY : Pasar Siti Khadijah

NAN : Ooo ada keda [kedai]

ZY : Haa ada tapi loni [sekarang] takdok [tiada] doh [dah] cuma keda [kedai] tu ada kito [kita] bagi sewa jual di RTC pulak kito [kita] try [cuba] di RTC kei [kan] dekat tunjong jah [je] jual

IH : RTC anak jugok [juga] nego [niaga] [sambil menggayakan tangan]

NS : Ooo anak

ZY : Hok bongsu kito [kita], loni [sekarang] dale [dalam] seni batik ni seluruh Malaysia kei jadi nak tumpang atas kedai tu takde [tiada] kei [kan] kita bergerak seluruh Malaysia mengikut kraftangan Malaysia seluruh Malaysia kita bergerak termasuk Sabah dan Sarawak paling luar negaranya di Brunei saja Brunei saja [sambil menggayakan tangan] Sabah Sarawak tu ye lah daripada dulu sebelum covid ni selalu pergi lah every [setiap] every [setiap] year [tahun] pergi Sabah Sarawak. Boleh kata tiap-tiap tahun lah [menggayakan tangan]

NS : Siapakah yang tinggal bersama Encik sekarang?

IH : Ya.

ZY : Emmm

NAN : Duk [Tinggal] skali [sekali]

NS : Loni [sekarang] duk [tinggal] rumah skali [sekali]

ZY : Duk [Tinggal] rumah sekali ni macey [macam] sie [siang] hari ni macey [macam] ramailah macey [macam] maley-maley [malam-malam] tu [itu]

IH : Sie [Siang] hari ni anak-anak mari [datang] [menggayakan tangan]

ZY : Marilah, hok [yang] dekat tu [itu]

IH : Maley [Malam] balik rumah masing-masing [menggayakan tangan]

NS : Jadi tinggal berdualah

ZY : Hok [Yang] dekat tu [itu], aaaa...bukey berdua jugak ada anak hok [yang] ni anak jual keda [kedai] tu [menuding jari] ada hok [yang] belakey [belakang] sakni [tadi] tu sebenarnya dia duk sini tapi dia gi [pergi] tubik [keluar] tubik [keluar] gapo [apa] umoh [rumah] tok tua [mertua] dia lah

IH : Dia gilir-gilir [bergilir] lah

NAN : Haa gitu [begitu]

ZY : Umoh [Rumah] tok tua [mertua] dialah abe dia pulak sakit mata jadi tok [tak] baliklah sini tapi balik duk sinilah, sie [siang] hari ore [orang] lain pon macey [macam] sie [siang] hari tumpuan dia duduk rumah ni..haaa maley [malam] tu lepas iso [isyak] ko balik lah masing-masing [menggayakan tangan]

IH : Baliklah masing-masing [menggayakan tangan]

ZY : Jadi sunyi lah maley [malam], sie [siang] hari ni petey-petey [petang-petang] tu haa bisinglah macey [macam] bising lah petey [petang] tu ada rumah masing-masing cuma kumpul [berkumpul] jah sini

IH : [Sendawa] Maley [Malam] sunyi lah maley [malam] sie [siang] hari ramai cucu balik sekolah [sekolah] gapo [apa] semua [menggayakan tangan]

ZY : Haa sunyi lah maley [malam] hak [yang] ada ni ada ada dua keluargalah kalu hak [yang] bebetul adanya macey [macam] macey [macam] tak teep lah kadey [kadang] gi [pergi] tido rupuh dia hc [ya] macey [macam] gitulah [begitulah]

NAN : Tige [3] lah

ZY : Hok [Yang] kakak tu dia ada rumah tapi pagi dia mari maley [malam] dia balik pasal [sebab] husband [suami] dia pun kijo [kerja] sini wak [buat] kain simi dok [kan] jadi rumah dia takdok [tiada] ore [orang] anok-anok [anak-anak] skolah [sekolah] ni [ini] nga [dengan] dia ni [ini] hok [yang] kecil ni [ini] [menuding jari kepada budak kecil] dah takdok [tiada] ore [orang] rumah kosong kei [kan] sunyi jadi boleh balik sini masok [masak] pakat-pakat [sepakat] makey [makan] sini haa tulah

IH : Tinggal hokni [yang] sorey [seorang] tok [tidak] skolah [sekolah] [menunding jari kepada budak kecil]

NAN : [Senyum kepada budak kecil]

NS : Siapakah idola Encik?

IH : Tahu gapio [apa] ni, batik je lah kito [kita] dih [kan] kito [kita] mugo [sebab] wak [buat] batik (ketawa) saya sendiri pun semo [semua] baju-baju saya semo [semua] baju batik saya tak pakai baju biasa erhmmm batik pon saya wak [buat] sendiri nak pakai haaa

ZY : Jarey [Jarang] lah sebab kito [kita] ni pakaian tu baju biasa ni macam kita tok [tak] pakai memang [bunyi notifikasi telefon] seolah-olah lain tu pesan kito pakai batik haa dia pong [pun] gitu jugok [juga] [menundung jari]

IH : Saya usahawan berdaftar dengan kraftangan bawah kraftangan

ZY : Kito paka [pakai] sokmo [selalu] kei [kan] macey [macam] tok [tidak] sedak [selesa] pakai kain lain batik ni macey [macam] kalu [kalau] kito [kita] peluh [berpeluh] dia tok [tidak] bau [berbau] macey [macam]] kain lain kain sepasey [sepasang] biasa dok [kan] macey [macam] masak mesti bau [berbau], perasey [perasan] dok [tak] ? Kain lain dia bau [berbau] peluh batik tok [tak] bau [berbau]. Kalu [Kalau] kito [kita] balik tak basuh pon [pun] takpo [tidak mengapa]. Batik segar lagi

NS : So, idola Encik sapo [siapa] ? Macey sapo [siapa] yang membuatkan Encik nak jadi pembuat batik ni

IH : Saya sebab saya pong gini saya ni mugo [sebab] tokkijo [tidak kerja] mugo [sebab] lain nak kijo [kerja] mugo [sebab] lain tokleh [tak boleh] kijo [kerja] doh [dah]. sebab kito [kita] nak kijo [kerja] ngan [dengan] ore [orang] toksudoh [tak boleh] ngan kijo [kerja] ngan ore [orang] sebab kito [kita] kijo [kerja] ngan [dengan] ore [orang] dah pastu saya ada lah cita-cita nak wak sendiri pastu [selepas itu] kita wak [buat] sendiri tu daripada sikit-sikit (mengangguk)

NAN : Kiranya idola cik [encik] ni [ini] tenaga pengajar cik sebelum ni lah yang beri harapan supaya teruskan

IH : Tapi dulu nak saya nak aaaa...cakap dulu saya maso-maso [masa-masa] wak [buat] dulu sikit sikit sikit kijo [kerja] sie [siang] maley [malam] nak untuk nak naikkan batik ni kijo [kerja] sie [siang] maley [malam] cuma amik amik upah lah amik upah amik daripada kain putih daripada keda [kedai] kito [kita] buat kain sarung buat gapo [apa] semua kito [kita] gi [pergi] ata [hantar] balik dia upah kitalah cuma barey-barey [barang-barang] tu kita beli lah denga [dengan] blok nga [dengan] apa semua tu hok [yang] kita belako [semua] banyak hok [yang] kito [kita] belako [semua] cuma dia bayar upoh [upah] kito [kita] dulu pekerja saya rama [ramai] pekerja saya dulu aaa...bahagiey [bahagian] blok

sajo [saja] tujoh [7] ore [orang] dulu tujoh [7] ore [orang] pekerja hok [yang] buak [buat] pencelup warna ni [sambil menggayakan tangan]

ZY : Rama [Rama]

IH : Ada limo [5] ney [6] ore [orang] lepastu lama-lama tu batik blok ni slow [lambat] naik batik tulis tulis tangan apabila naik para tulis tangan kito [kita] ajar jugok [juga] ore [orang] pekerja-pekerja ni bak tulis tangan gapo [apa] semo-semo [semua-semua] ni [ini] sayo [saya] pernah [pernah] ore [orang] kijo [kerja] saya ni ramailah pak [4] limo [5] ney [6] puluh ore [orang] dulu, dulu pah lepastu gak [jugak] aaa...lama-lama tu ada yang boleh mitok [mintak] jadi [menjadi] guru, ada yang kawin [kahwin], ada yang masuk U [universiti] macey macey [macam-macam] macey [macam] masuk tu saya pong [pun] tok [tak] tambah ore [orang] saya tok [tak] tambah ore [orang] lah ore [orang] pon slow-slow [lambat-lambat], loni [sekarang] pekerja loni [sekarang] ore [orang] payoh [susah] ore [orang] nak kijo [kerja] batik haaa loni [sekarang] ore [orang] nak kijo [kerja] batik ore [orang] taknok [:taknak] kijo [kerja] doh [dah] ore [orang] loni [sekarang] nak kijo [kerja] supermarket [pasaraya] sebab supermarket [pasaraya] duk [tinggal] dale [dalam] aircond [penyaman udara] walaupun tokleh [tak boleh] nak duduk (ketawa) macey [macam] kijo [kerja] kat [dekat] kito [kita] ni boleh duduk boleh rehat saya pernah [pernah] pergi aaa...apa...aaaa kementerian apa kesihatan pekerja socso [perkeso] apa semua

NS : [Batuk]

IH : Cuma dia aaa...kesihatan pekerja ni dia dia suruh sedia [sediakan] kusi [kerusi] dua tiga biji kusi [kerusi] supaya pekerja boleh rehat dia oyak [bagitahu], saya pernah tanya dia "Bakpo awak nak tekey [tekan] atas pekerja batiknya [batiknya], pekerja batik ni aaa...saya buat...aaaaa...apa kontrak macey kontrak kalu [kalau] siap satu helai berapo [berapa] saya bagi siap duo [dua] helai berapa satu helai berapo [berapa] saya bagi lepastu gak [kan] saya nak berehat gi [pergi] berehat kedai kopi lah macey-macey [macam-macam] lah saya cakap dia" "Awak nak tekey [tekan] saya macam ni kata pasal apo [apa] awak tok [tak] tanya supermarket [pasaraya] nuh [tu] hok [yang] ore [orang] jual [menjual] supermarket [pasaraya] nak duduk pon tokleh [tak boleh] takdok [tiada] kusi [kerusi]" aaa....macey-macey [macam-macam] saya saya soal dia

NAN : (ketawa)

IH : Haaa sebab dia tekey [tekan] sayo suh [suruh] sedia kusi [kerusi] aaa...gapo [apa] tu macey [macam] tu lah nak oyaknyo [bagitahu] [menggayakan tangan]

ZY : Cuma kontrak ni macey [macam] kita tidak paksa mana kei [kan] dia buat banyak boleh banyak [membetulkan tudung]

IH : Haa kita tak [tidak] pakso [paksa] mana [mengusap tangan]

ZY : Kontrak lah macey kontrak lah buat sikit-sikit haa cuma gitu [begitu] je lah

NS : Apakah buku kegemaran Encik? Buku..

IH : Buku?

NS : Ada buku kegemaran dok?

IH : Buku?

NS : Hmm (mengangguk)

IH : Tak dok [Tiada] buku, dulu saya buku-buku warna je lah (ketawa)

NS : [batuk]

ZY : Masa gi[pergi]...Tengok warna je lah takdok [tiada] buku

IH : Mugo [Sebab] kito [kita] tengok [lihat] warna, warna dia ada buku warna dulu saya beli masa dulu lagi limo puluh [50] ringgit, limo puluh [50] dollar [dolar] di Singapore [Singapura]

NS : Oooo [sambil mengangguk]

IH : Haa maso [semasa] dulu lamo [lama] doh [dah] berapa tahun sayo [saya] anok [anak] sorey [seorang] duo [dua] ore [orang] gitu [begitu] jah pastu [selepas] sayo [saya] beli buku tu nok [nak] tengok dia ada warna dia ada kacuk-kacuk [menunjukkan gaya tangan] kacuk warna nak kawin-kawin [kahwin-kahwin] nga [dengan] tu kawin [kahwin] nga [dengan] ni [ini] tubik [keluar] warna ni dia adalah tapi buku masotu [masatu] lima puluh [50] dollar [dolar] tu mahal doh [dah]

NAN : Mahal [senyum]

IH : Ahaa tebal lah tebal tu jah [je] [menunjukkan ketebalan buku menggunakan jari] masa [semasa] tu [itu], mahal doh [dah] lah tapi kito [kita] mugo [sebab] kito [kita] nok [nak] war caro [cara] warna ni gak [jugak], pah [lepastu] sayo [saya] pung [pun] wak [buat] warna pung [pun] aaa...beli warna ni

dia tunjuk ajar oleh Syarikat Bayer lah masa tu, Bayer hok [yang] paka [pakai] warna pewarna masatu  
Bayer, Bayer dia marilah [datang] tunjuk cara-cara ajar gapo [apa] semo [semua]

NAN : Kiranya dia tunjuk ajar (mengangguk)

IH : Haaa tunjuk ajarlah sikit-sikit

NS : Okay seterusnya, sejarah.... (mengangguk)

IH : sambil-sambil kita reka...haa

NS : Haa Sejarah Pendidikan

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

NS : Pada tahun berapakah Encik mula bersekolah?

IH : (ketawa) tok [tidak] ingat kiralah jah [darjah] satu tahun berapa

ZY : Tahun....

NS & NAN : (ketawa)

ZY : Ney puloh duo [62] raso dia ni cuma makcik tikah setahun masatu ney puloh tigo [63], rasanya gitulah. Kitani boktey [sebab] ada record [rekod] group [kumpulan] sekolah [sekolah] lah [senyum] [menggayakan tangan]

NAN : Haa betul (ketawa)

**NS : Dimanakah Encik mula bersekolah rendah?**

IH : Sekolah Kebangsaan Kampung Sireh

NS : Kampung Sireh...

IH : Sekolah Kebangsaan Kampung Sireh, isteri saya Sekolah Kebangsaan Kota

ZY :.....

IH : Dia belajar aliran Inggeris, kalu [kalau] ore [orang] putih [matsalleh] mari [datang] pung [pun] dia bulca [boleh] cakap saya tokleh [tidak boleh] (ketawa)

NS : (mengangguk)

IH : Dia sebab reti [pandai] MCE, MCE dulu kei [kan] bukey [bukan] SPM dulu MCE

NAN : Haaa (mengangguk)

ZY : .....medium kuk [ikut] ore [orang] putih.....

IH : Dia panda kecek [cakap] ore [orang] putih saya tok [tidak] panda [pandai] (ketawa)

NAN : (ketawa)

ZY : Mokcik [Makcik] ni [ini] panda [pandai] lah berbahasa inggeris tu kijo [kerja] pong [pun] kijo [kerja] tu pong [pon] kito [kita] sorey [seorang] hok [je] melayu kei [kan] semua ore [orang] cino kei [kan] haa jadi....semua bahasa inggeris kecek [cakap] nga [dengan] bos pong [pon]

NAN : .....

ZY : Haa inggeris lah jadi masa temu duga tu dia nak kita inggeris tinggi ke tidok [tidak] [bunyi budak menangis] tu lah ore [orang] hok [yang] tok [tak] panda [pandai] inggeris dia tokleh [tak boleh] kijo [kerja] company [syarikat] besar kei [kan] haa tu lah

NS : Seterusnya, dimanakah sekolah menengah Encik?

IH : Sekolah [Sekolah] Putera

NS : Sekolah [Sekolah] Putera

IH : S....

NS : Aaaa...puan?

ZY : Sekolah Menengah Kota

NS : Oooo (mengangguk)

ZY : Kenal ko [ke] Sekolah Menengah Kota?

NAN : (mengangguk) [menundung jari]

NS : Kenal dekat Wakaf Che Yeh

ZY : Sebelah aaaaaa...gapo [apa] dia RTM

NS : Haa...haa...tahu tahu (mengangguk)

NS : Aaaa....lelah...eh Dimanakah Encik menyambung pelajaran selepas SPM?

NS : SRP

IH : Saya SRP saya

ZY : SRP....

IH : Haa (mengangguk)

ZY : Takdok [Tiada] lah tamat situ lah dulu

IH : Pah [Selepas itu] saya ngaji [belajar] pulok [pulak] maley [malam] tu belajar maley [malam] nak amik SPM pon tok [tak] dapat Sijil tok [tak] dapat [senyum] [menggayakan tangan]

NS : Oooo (mengangguk)

IH : (ketawa)

NS : Adakah sekolah Encik berdekatan dengan rumah?

IH : Ehh jauh nuh [sana] Wakaf Mek jenab [Zainab] tu [menunjuk jalan]

ZY : Jauh Wakaf Mek jenab [Zainab] nuh [sana]

IH : Naik basikal alik [dekat] nuh [sana] [mengusap bibir]

NS : Berapo [berapa] kilo [kilometer] agok-agok [agak-agak]?

IH : Pergi ngan [dengan] basikal [menggayakan menaiki basikal]

ZY : Berapo kilo [kilometer] eh...ku nok [nak] kiro [kira] berapo [berapa] kilo [kilometer]

NS : limo [5]..ehh tujoh [7]

ZY : Ehhh tok [tak] sapa [sampai]

IH : Lima [5] kilo [kilometre] ada

NS : Limo [5] limo [5]

ZY : Limo [5] kilo [kilometer]

IH : Naik basikal nih [ini] duluh [dahulu]

NS : Hmm (mengangguk)

ZY : Dulu raso [rasa] dekat tapi jauh sinih [sini] ko [ke] tembbok [jalan besar] tu raso [rasa] jauh dohhh [dah] [menunjukkan jalan]

NAN : Jolodoh [Betul lah itu]

ZY : Loni [Sekarang] mana ada ore [orang] jaley [jalan] kaki basikal pon [pun] takdok [tiada] loni [sekarang] kurey [kurang]

NS : Hmm (mengangguk)

ZY : Kat [Dekat] sekolah [sekolah] lonih sekarang] takdok [tiada] takdok [tiada] guna basikal jamey [zaman] kito [kita] dulu gak [juga] guna basikal loni [sekarang] nga [dengan] keto [kereta] dengan [dengan] muto [moto]

NAN : Muto [Moto]

ZY : Keto [Kereta] pon [pun] kadey [kadang] lawey [lawan] cikgu haaa sungguh (mengangguk) hok [yang] ada hok [yang] buleh [boleh] lesen dahlah....ho lawey [lawan] cikgu, cikgu keto [kereta] murah jah [je] anak murid keto [kereta] besar nok [nak] wak [buat] gano [macam mana] mugo [sebab] anak ore koprat [korporat] koprat [korporat]

NS : Aaa...Apakah mata pelajaran kegemaran Encik semasa di zaman sekolah?

IH : Tahu [senyum] saya dulu ada berapo [berapa]..Bahasa Malaysia je lah

NS : Ohh Bahasa Malaysia (mengangguk)

IH : Ho

NS : Puan? Gapo aaa...mata pelajaran kegemaran?

ZY : Bahasa Inggeris lah [bunyi barang diketuk]

NS : Oooo

NS : Boleh kami tahu mengapakah Encik meminati mata pelajaran itu?

IH : Bahasa Malaysia lah hok [yang] mudah (ketawa) [menggayakan tangan] bahasa lain tu payoh [susah]

NS : Ooo (mengangguk)

IH : Adalah [bunyi detuman] didikan ugama [agama] gapo [apa], dulu [bunyi barang jatuh] Pendidikan gapo [apa] ugama [agama] isley [islam] dia panggil masa dulu Pendidikan Ugama Islam maso [semasa] dale [dalam] kelas dulu

NAN: Hmm (mengangguk) Ugama [Agama]

IH : Ugama [Agama] (mengangguk)

NS : Aaaa...puan...aaa...kenapa minat Bahasa Inggeris?

ZY : Bahasa Inggeris masatu [semasa itu] tu [itu] kebanyakkey [kebanyakkan] sekolah [sekolah] ni [ini] dia macey [macam] dia cakap Bahasa Inggeris kei [kan] kalu [kalau] ingat kalu [kalau] ngaji [belajar] kalu [kalau] kita cakap Bahasa Melayu mungkin dia kena denda.....dia kena denda jadi jadi benda ni kita....kita ngan kawan-kawan tu macam takdelah saya awak saya awak cuma kita guna i [saya] you [awak] i [saya] you [awak] macamtu [macam itu] lah....jadi kita cakap ngan kawan tu macam campur-campur bahasa, bahasa campur lah betul ha macam tu pah [lepas itu] lama tu kito [kita] kijo [kerja] pong [pun] memang kita minat kuktu [yang itu] kei [kan] so [jadi] kito [kita] gi [pergi] interview [temuduga] pong [pun] memang dia fo aaa....macey [macam] swasta ni memey [memang] fokus ke bahasa inggeris , bahasa malaysia haa bahasa inggeris haa macam tu [menggayakan tangan]

IH : [menggaru tenguk]

NAN : Haaa (mengangguk)

ZY : Kita jadi...kat sekolah [sekolah] pong [pun] cikgu-cikgu pon [pun] macam kita ni ada suara dalam kelas tu ada volunteer [sukarelawan] selalu sape [siapa] ni.... Kita ni selalu selalunya macam aaa angkat tangan lah kei [kan] haa kei [kan] cikgu pon mudaun lah panggil kita kei [kan] dia tahu dah kito [kita] buleh [boleh]....ore [orang] lain pong [pun] buleh [boleh] jugok [jugak] tapi kita ni macam kedepan sikit haaa [menggayakan tangan]

**NS : Ehem, Adakah Encik bergiat aktif semasa di bangku sekolah rendah seperti menyertai persatuan atau acara sukan?**

IH : Takdok [tiada] [menggeleng kepala]

NS : Takdok [tiada]

IH : Bola je lah bola ada main sekolah [sekolah] ada pasukan lah [menggayakan tangan]

NS : Haa (mengangguk)

IH : Saya masatu pasukan hijau, pasukan hijau (ketawa)

NAN : Haa (ketawa)

IH : Main bola dia ada pasu...biru,kuning, merah

NAN : Wakil rumah sukey [sukan]

IH : Ho rumah sukey [sukan] (mengangguk)

NS : Haaa.

NS : Puan ada...bergiat aktif?

ZY : Macam saya ni macam selalunya kalau sometime [kadang-kadang] macam ada konsert-konsert ni macam kita ada involve [terlibat] lah kan dalam apa-apa kei [kan] macam tarian ke nyanyian ke gitu [begitu] pastu [selepas itu] dalam persatuan ni kita masuk Saint Johns [bunyi budak merengek] [menggayakan tangan]

NAN : Saint Johns (mengangguk)

ZY : Hmm Saint Johns (mengangguk)

**NS : Okay, Apakah antara halangan yang Encik hadapi sewaktu mendapatkan pendidikan pada masa tersebut?**

NS : Ado [Ada] halangan dok [tidak] maso [masa] nok [nak] belajar ko [ke]?

IH : Takdok [Tiada] [menggeleng kepala]

NS : Takdok [Tiada], aaaa...puan takdok [tiada] ?

ZY : Halangan tu macam mana eh? Macam kita nak berjaya macey [macam] ada macey-macey [macam-macam] halangan lah macam kita nak tuisyen apa kei [kan] kadey-kadey [kadang-kadang] family tok [tidak] bagi [beri] gi [pergi] jauh-jauh macey [macam] duk [tinggal] ngan [dengan] kawan-kawan [menggayakan tangan] kei [kan] pastu [selepas itu] dia...bukey [bukan] tinggi pon [pun] tok [tidak] lah tinggi tokdei [tidak sempat] lah nak masuk U [universiti] U [universiti] tu haa tu je lah

**NS : Okay seterusnya, sewaktu zaman sekolah, pernahkan Encik menyandang apa-apa jawatan?**

IH : Main bola pasukan tu je lah (ketawa)

NS : Oooo (mengangguk).

IH : Takdok [Tiada] saya main bola dulu

NAN : [senyum] (mengangguk)

IH : Saya....

NS : Aaa..puan ada menyandang apa-apa jawatan?

ZY : Hmm seingat saya pengawas tu takdok [tiada] lah macam dalam kelas tu adalah ketua ke penolong tok [tidak] ingat doh [dah] macam tu lah macam dalam bidang sukan tu.....tok [tidak] silap...tok [tidak] ingat macam tu lah lebih kurey [kurang]

**NS : Apakah kenangan yang Encik tidak dapat lupakan sewaktu bersekolah? Boleh Encik kongsikan?**

IH : Takdok [Tiada] [senyum] [menggeleng kepala]

NS : Takdok [Tiada]?

IH : Ho

NS : Aaaa..puan bolehkah puan kongsikan kenangan yang tidak dapat dilua dilupakan sewaktu bersekolah?

ZY : Aaa...masa masa sekolah [sekolah] tu paling paling saya tak [tidak] dapat lupakan hari perpisahanlah paling sedih sekali lah

NAN : (mengangguk)

ZY : Tapi masa hok [yang] tahun makcik tu macey [macam] cikgu buat hari lain lah saya naik atas pentas lah bagi aaa...macam bagi speech [ucapan] gapo [apa] nama dia speech [ucapan] kei [menggayakan tangan]

NAN : Speech [ucapan] (mengangguk)

ZY : Haaaa saya bagi speech [ucapan] lah dulu tu je lah sedih....duk [duduk] rama-rama [ramai-ramai] tiok [menangis] lah gitu [begitu] lah haa tu yang paling sedih sekali nak berpisah dengan kawan-kawan kan haaa yang sekolah [sekolah] ni [ini] [bunyi detuman] sekolah rendah ni sekolah menengah ni memang banyak kenangan sangat lah macey [macam] kait [kaitan] ngan [dengan] dulu-dulu ni [ini] raso [rasa] sekolah menengah ni [ini] dia lain sikit menengah rendah ni macey [macam] dia lain beraso [rasanya] tengah di sekolah rendah sapa form [tingkatan] four [4] form [tingkatan] five [5] tu beraso

[rasa] lain saya ba bawah ni macey [macam] banyak sangat pengalaman kito [kita] bu budak macey [macam] kito [kita] kito [kita] budak kei [kan] haa masa budak kei [kan] tu [itu] lah [menggayakan tangan] Sekolah menengah rendah lah paling tak [tidak] dapat dilupakan...paling-paling sedih hok [yang] yang tak dapat dilupakan pasal kita kita itulah last [terakhir] dah

NS : Aaa seterusnya, apakah cita-cita Encik semasa dibangku sekolah?

IH : Cita-cita saya saya ni belajar tok [tak] panda [pandai] tapi saya (ketawa) kena cari kijo [kerja] ni denga [dengan] ore [orang] pasalnya [sebab] kena wak [buat] kijo [kerja] sendiri gitulah

NS : Hmm [mengangguk kepala]

ZY: Warna dia tu, biar keno[kena] la kan. Family color, macam tu la. Kadang-kadang orang color ni macam striking sangat tak comel juga. Batik ni nak macam family color la, macam up to date la sikit kan.

**NAN: Menurut pandangan encik dan puan adakah alat-alat kemudahan teknologi sekarang ni lebih elek digunakan berbanding kemudahan alatan dahulu untuk menghasilkan batik?**

IH: [Berdehem]. Dia gini, alat-alat canggih loni[sekarang] saya rasa la. Alat-alat canggih loni[sekarang], kalau kita buat alat canggih modern loni[Sekarang], batik kito akan tenggelam. Sekarang batik asli kita ni, batik kelantan ni. Batik dipanggilan batik ni menggunakan lilin. Kalau tak guna lilin orang tak panggil batik. Kalau masa dulu-dulu lagi pon kalau tak guna lilin orang tak panggil batik. Jadi, batik cara modern atau screen loni, dia buat screen tu bermotifkan batik. Bermotifkan batik tapi bukan batik. Aaaa... kalau orang silap faham, orang akan cakap batik comel. Sebabtu screen dia boleh buat atas kain polyester. Kita batik tak boleh buat atas kain polyester. Kita batik boleh buat atas cotton dan sutera. Tapi kalau nak buat supe[macam] mesin tu kita tak boleh buat. Tapi kita persatuan pon dengan kraftangan, sentiasa bekerjasama. Maknanya, batik hok[yang] printing loni[sekarang], batik bermotifkan batik. Bukan batik, bukan kain batik. Kita tak boleh cakap kain pasang batik, kain kemeja batik. Tak boleh. kita kena cakap kemeja bermotifkan batik. Sebab leni[sekarang], adik-adik canggih semua. Amik[ambil] gambar saja boleh buat screen printing termasuk dalam komputer, screen tubik[keluar]. Leni[sekarang] canggih. Tapi, leni[sekarang] kita kraftangan dan persatuan batik tidak iktrafskan itu dipanggil batik. Itu batik bermotifkan batik. Kena faham. Dalam telefon saya pon ada kejap saya tunjuk. Haa tengok [membuka telefon dan menunjuk gambar pada Shahirah dan Amirah]. Bukan batik ni, dia screen pakai mesin dia bermotifkan batik. Saya nak oyaknya[bagitahuanya].

ZY: Cetak rompakla.

IH: Haa cetak rompak banyak-banyak. Comel-comel pulak dia buat.

ZY: Sebabtu dia jual murah.

IH: Saya nak oyaknya[beritahunya], kalau kita buat batik mesin ni. Kalau batik mesin ni kerajaan meluaskan dia, kita rasa kalau kerajaan tak sekat mana. Batik kita akan berkubur. Berkuburla batik kita. Pelajar kena fikirla, kena tengok. Batik ni warisan orang melayu daripada Kelantan, Terengganu. Tengoklah. Nok[nak] oyak gitu. Kita ni batik ni warisan melayu kita. Kalau masuk yang screen printing gak[juga] tiada dah kita. Makin lama akan berkuburla batik. Tu la nak bagitahu nya. Tapi kita tak menggalakkan mesin. Tak menggalakkan kain batik mesin ni, dipasarkan di malaysia kita atau di luar negara. Leni[sekarang] pon kalau ada mesin tu, mesin mahal. Kerjaan nak bagi ke persatuan-persatuan batik ke, koperasi batik ke boleh buat cara mesin dengan buat mesin warna batik. Bukan warna ni. Dia warna lain. Warna batik ni dia boleh screen dengan banyak. Kalau orang nak tempah batik dengan cepat pon boleh. Leni kalau orang nak cepat pon tak boleh sebab kita buat cara manual. Tapi kalau nak buat mesin tu, kalau cara buat batik. Kalau kerajaan nak sediakan, saya mewar-warkan kerajaan mengeluarkan mesin batik tu, obat batik dan warna-warna batik. Kalau tak warna macam yang saya tunjuk tadi. Warna polyester ni dia lain. Depan warna lain, belakang lain. Sebelah pudar, sebelah terang.

ZY: Dia putih bawah tu. Dia putih.

IH: Saya kira tak nak la macam tu. Kerajaan pon main peranan juga. Kalau masa Pok Loh [Abdullah Ahmad Badawi] lagi, dia suruh pakai batik. Kerajaan pakai hari khamis. Masetu[masa itu] banyak orang pakai batik. Akhir-akhir ini dia pakai batik tipu. Tapi saya minta dah buat surat, persatuan batik buat surat, nak suruh kerjaan pantau pakai batik asli. Pakai batik Malaysia, Kedah ada, Pahang ada, ada semua. Batik Malaysia, batik buatan kita. Tak nak batik printing. Sekarang kalau boleh nak suruh kerajaan tengoklah pakai-pakaian batik. Tak nak bagi batik kita terkubur. Ha ha ha [tertawa]. Betul tak? Gitula [macam itu lah] dik.

NAN: Aaaa, anggaran berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu tempahan?

IH: Kalau satu helai tu satu hari atau dua hari la dik.

ZY: Tengok kuantiti dia.

IH: Kalau proses harini, katakan satu pasang. Proses harini, canting ape semua, kita warna. Kita mematikan warna lepas itu rebus. Siap lah.

ZY: Tu kalau satu layer, kalau banyak layer lain.

IH: Kalau banyak layer, lama sikit.

**NAN:** Apakah platform media sosial yang digunakan oleh Encik untuk mempromosikan batik yang dihasilkan?

IH: Batik ni gini, saya. Kalau boleh, saya nak usulkan kakitangan kerajaan pakai batik tempatan Malaysia. Bukan Kelantan saja, Perak buat batik, Terengganu buat batik, Kedah buat batik. Batik Malaysia yang dibuat menggunakan lilin. Batik-batik ni motif dia menggunakan lilin. Itu baru dipanggil batik. [senyum]

**NAN:** Bagaimanakah encik melayan pelanggan yang mempunyai karenah yang cerewet? Macam kalau dia buat tempahan dengan encik, macam-macam dia minta.

IH: Ada lah macam-macam tu. Kalau nak cepat sangat tak boleh, kita cara manual. Tapi kita boleh buat, bagi masa. Kita bagi masa tu kalau kita kata okay dia okay. Kita okay dia okay, boleh buat. Tempahan selalunya dari sekolah. Leni takde dah sekolah, dia tak pakai batik. Macam mana kerajaan sekarang, kerajaan Madani. Nak oyaknya[bagitahu] dulu, semua sekolah, sekolah asrama penuh. Akhir-akhir ni ada sekolah asrama itu dia tempah batik printing. Kito[kita] kalau boleh gak [juga] toksey[tak nak] lah lagu[macam] tu. Sebab pekerjaan batik ni, kerjaan batik orang melayu. Orang melayu beragama islam dan orang Malaysia. Cina ada buat batik tapi ramai orang melayu. Kerajaan kena pandai buat kira la untuk menolong rakyat dia orang melayu.

**NAN:** Bagaimanakah encik membahagikan masa dalam membuat batik dan juga bersama keluarga?

IH: Ada kalau pagi buat kerja dik, petang-petang tu rehat boleh bersama keluarga lah. Ada lah masa tu.

ZY: Dia macam waktu pejabat juga time untuk buat batik pon, kalau pukul 8 pagi sampai 5 petang, gitula. Kalau tempahan banyak sangat malam tu terpaksa kita buatlah.

**NAN:** Overtime.

ZY: Haa macam cari overtime lah.

**NAN:** Bolehkah Encik kongsikan antara pengalaman yang amat bermakna buat encik sepanjang Encik berada dalam bidang batik?

IH: Kongsikan ya. Loni[sekarang] saya, dulu saya sorang[seorang] saya. Loni[sekarang] moga anak-anak besar dah saya kongsi dengan anak, suruh anak buat macamni macamtu la. Kita tunjuk ajar anak. Anok[anak] saya pun belajar, jadi kita kena tunjuk ajarla.

ZY: Besar-besar dah, loni[sekarang] hantar cucu pulak.

IH: Kita tunjuk ajar juga lah.

#### *E. SUMBANGAN*

NAN: Seterusnya sumbangan. Apakah antara sumbangan lain yang pernah Encik berikan kepada masyarakat ataupun dalam kalangan penduduk setempat selain mengajar mereka mengenai ilmu batik ini?

IH: Sumbangan gapo[apa] tu takdok[tiada] saya bagi, kalau orang mari tanya gapo-gapo[apa-apa] saya jawab.

ZY: Takdokla[tiada lah] sumbangan gapo[apa] cuma budak praktikal gapo[apa] tu, kito[kita] macam tak bayarla rumah sewa. Kita tanggung semua lah makan minum, rumah sewa. Kita tanggung. Kita bagi habuan kat dia lepas habis tamat. Kita bagi, kain ke, duit ke, macam hadiah la. Untuk Budak praktikal tak balik tangan kosong, kita bagila. Sedangkan perjanjian kita takde[tiada] bagi ape-ape pon. Dia dapat dah duit biasiswa tu dia dapat dah, kita saje bagi. Kita bagi duit saje[sahaja] je buat macam dia pekerja.

IH: Makan minum, tempat tidur semua kita tanggung. Makan kita masak. Kalau dia nak makan luar tu takpe lah. Selalu dua orang atau tiga orang je.

ZY: Tiga orang je paling ramai.

IH: Sabah sarawak pon ada.

ZY: UniMas Sarawak kan, tiga bulan. Lama nya. Yang lain biasa dua minggu tiga minggu, gitu je. Dia lama. Biasa kraftangan gitu la hantar,

**NAN: Bagaimanakah cara yang terbaik untuk sentiasa mengekalkan batik di pasaran dan juga dikalangan remaja?**

IH: Untukkekalkan batik. Loni[sekarang] saya tak upaya nakkekalkan batik. Saya mengusulkan dah.

ZY: Kekal batik ni macam kita, kerajaan ini kena ambil tahu lah pada usahawan batik ni. Kalau dia tak ambil tindakan rasa macam susah jugak. Nak harap kita buat jualan helai-helai susah sekarang. Kalau dia tak bantu susah. Kerajaan ni orang cakap kena memainkan peranan lah kalau nak suruh batik kita ni kekal supaya batik tak terkubur. Macam tu lah.

**NAN: Adakah encik dan puan rasa batik akan sentiasa dingati dan digunakan sehingga masa akan datang?**

IH: Batik ni memang kena kekal juga. Banyak atau sikit tu je.

ZY: Kekal tu kekal cuma sedikit banyak tu je la.

IH: Sekarang saya tengok ramai dah anak muda pakai baju batik. Baju batik style slim fit. Ada juga budak-budak muda pakai. Kita jahit slim fit. Dia minat. Ha ha ha (ketawa). Saya harap berterusan lah.

#### *F. HARAPAN*

NAN: Seterusnya harapan. Apakah harapan Encik kepada generasi yang sekarang yang berkecimpung di dalam bidang seni batik ini?

IH: Loni[sekarang] orang-orang baru tu lah. Orang baru ke orang lama, design tu selalu kena baru. Blok pon kita buat teknik-teknik baru. Nak suruh orang nampak berlainan. Tapi tak tahu lah setakat mana orang suka tu. Kena buat pembaharuan la. Kerajaan kena bantu.

ZY: Kalau kita fikirlah, rugi budak-budak sekarang ambil bidang batik tapi lepas habis tu tak nampakla dia dalam bidang batik tu. Dia tak nampak pon orang-orang baru yang usahawan batik. Dia macam bazir masa. Habis duit kerajaan sedangkan kalau dia belajar univeristi kraf tangan negara, dia ada bagi duit tiap bulan untuk makan. Dia bagi duit elau.

IH: Sikit je dia bagi pon.

ZY: Yela sikit pon. Lepas habis praktikal tu takdok [tiada] yang sambung. Saya lepas habis praktikal tu saya cakap mari lah kerja kat sini tapi semua tak nampak bayang kecuali anak perusahaan batik. Tu je yang teruskan dalam bidang batik.

IH: Saya pun kalau ambil orang praktikal, kalau kita pergi jual di luar negeri ke kita bawa pergi. Kita bawa pergi walaupun dia buat batik. Kita nak suruh dia tahu juga cara kita meniaga batik, kita tunjuk kat dia. Tapi setare[setakat] tu jelah. Ha ha ha (ketawa).

ZY: Takdok sore[seorang] habuk[lansung] pon mari. Berapa puluh orang dah. Saya tiada dengar lagi orang yang datang praktikal tu kerja dalam bidang batik. Sorang dua tu je ada.

IH: Ada yang sambung, anak usahawan batik tu. Anak usahawan, jadi anak usahawan tu ada juga lah.

ZY: Dia niaga ikut family. Ikut family ada juga lah.

IH: Saya pun dok[tak] cara mana, dia lah yang jaga. [tunjuk ke arah isterinya] Saya letih dah. Ha ha ha(ketawa). Leni masalah pekerja. Pergilah mana-mana pon semua tiada pekerja. Kalau pekerja ada, ada. Permintaan tu ada, tapi pekerja tu takdok[tiada]. Bila tempahan banyak, pekerja tiada kita tak buat. Kalau batik blok tu takpe ni batik canting. Batik tu gitu la dik.

ZY: Kerja tu bukan takdok[tiada], tak pernah takde[tiada] kerja. Selalu ada. Tapi pekerja tu lah takde[tiada]. Loni[sekarang] ore[orang] wak grab, grabfood kan.

IH: Masalah pekerja lah.

ZY: Penat buat grab tapi nampak duit ikut tu dia buatala.

**NAN & NS: JnT, Food panda.**

ZY: Haa betul. Dia boleh duit sebenarnya.

IH: Anak saya pernah buat, orang hantar barang dia bahagi dua orang.

ZY: Tak buat dah.

IH: Kalau barang banyak[banyak] tu penat. Penat lah. Sekarang tak baut dah lah.

ZY: Kalau kerja dengan orang susah. Kerja sendiri senang.

**NAN: Sebelum tamat sesi temu bual kita pada harini, Encik ada sedikit kata-kata berkenaan dengan sesi temu bual kita?**

IH: Aaaaa... bidang batik ni dia macam ni. Batik ini kerajaan kena tolong orang-orang batik. Bukan tolong macam minta sedekah tu dok[tak], buke[bukan] minta wang. Nak mintak mesin tu boleh. Mesin tu mahal, orang batik dok[tak] mampu nak beli. Kalau kerajaan nak bagi, bagi bayar tu orang batik tak boleh nak bayar. Dia macam aset. Jadi orang-orang batik ni tak boleh nak buat kerja. Saya ada 4 orang pekerja, ada 3 ada 2 ada 5. Tak sampai. Jadi, loni [sekarang] saya menyeru kerajaan nak tolong orang batik ni, kalau orang batik pakai khamis ni, mintak ketua jabatan tu pantau, cikgu-cikgu sendiri pakai batik luar. Kito[kita] nak suruh pakai batik asli Malaysia kita. Warna tak serupa, batik tak serupa. Saya buat sehelai-sehelai je. Jadi nak suruhnya kerajaan nak tolong tu, tolong ikut situ. Kalau sekolah-sekolah ni, kita persatuan batik ni. Lama dah saya AJK persatuan batik, lama doh[dah] saya menyeru kerajaan bahawasanya tadika lagi kita nak suruh pakai batik. Pakai batik malaysia kita. Haaaa. Kita taknak pakai batik lain. Kita nak macam Indonesia, Indonesia pergi Mekkah pakai batik. Pergi mananya pakai batik. Sebabtu batik dia tersohor. Batik kerajaan kita ni tak sungguh sangat dengan batik. Loni[sekarang] kita nak suruh kerajaan kalau boleh nak buat daripada sekolah lagi, cikgu-cikgu sekolah pakai batik buatan Malaysia tak nak yang printing luar negara, kalu[kalau] pakai printing luar negara, batik kita akan terkubur. Batik ini usahawan orang melayu. Usahawan orang melayu beragama islam, kalau kerajaan nak bantu, bantu ikut situ lah. Bukan nak minta bantu apa. Bantu melalui itu. Kalau kerajaan tak pandang ikut tu, payoh [susah]. Saya mintak lama dah, saya AJK batik Kelantan lama dah mintak Tadika sekolah ni pakai baju batik. Dia baju baik ni, bukan semua batik ni semua

harga batik mahal. Batik bukan semua mahal, batik cotton murah, boleh pakai. Tapi kita nak oyaknya [bagitahu], buatla batik cotton untuk budak-budak sekolah. Budak sekolah, sekolah berasrama la. Batik cotton. Lepas itu, tadika, kalau kata nak bunga. Bunga sama, berapa ratus dah tadika pakai, tadika kampung sireh lagu tu, kampung putih lagu tu, asalkan batik. Maknanya batik pelbagai ni, orang tempah saya sikit, orang tu sikit. Maknanya orang batik semua boleh buat kerja. Batik blok design ni, batik ni design ni. Kita nak bagitahu macam sekolah Indonesia semua sekolah pakai batik. Kerajaan kita kenapa tak nak buat. Tak tahu macam mana. Saya mintak kerajaan Malaysia ni, kerajaan baru ni. Kalau boleh buat, bolehlah. Haa gitulaa. Saya suka zaman Pok Loh dulu. Pok Loh lain. Lagu tu lah. Takde apa dah saya boleh cakap. Kalau nak masuk media ke ape ke masuk kerajaan perlu bantu, supaya batik Malaysia ni kekal. Saya taknak batik yang saya tunjuk tadi. Batik tadi tu batik china tu. China buat. Dia print. Haaa tu saya tak nak. Kerajaan kena tolong. Macam mana dik? [sambil tengok Shahirah] Bukan tolong duit tapi tolong ikut tulah. Kalau masalah banjir ke ape ke adalah habuan sikit daripada kraftangan. Kraftangan ni kerajaan jugaklah. Dia bukan bagi duit, dia bagi pewarna, lilin pastu kain. Kalau kira tu tak cukup tapi Alhamdulillah. Dia bagi dekat saya masa banjir 2014, banjir sekerat pinggang. Banyak batik saya rosak. Tapi dia bagi juga. Bagi lah sikit, alhamdulillah. Lagu tu lah dik. Nak cakap banyak pon tak pandai.

ZY: Banyak dah tu.

## **PENUTUP**

**NAN:** Dengan ini, tamatlah sesi temubual secara lisan mengenai bidang pembuatan batik Bersama Encik Ibrahim bin Hassan dan Puan Zaiton. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh Encik Ibrahim bin Hassan dan isteri dalam menyempurnakan temu bual ini. Dengan ini kami berharap, dengan hasil wawancara ini, inti pati temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pembuatan batik pada masa akan datang. Terima kasih kami ucapkan, semoga perusahaan Encik Ibrahim dan isteri makin berkembang dan dapat diteruskan hingga generasi akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

## **7.0 RALAT**

Sepanjang sesi temubual ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang berlaku dan tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan tersebut adalah:

1. Bunyi batuk
2. Cucu perempuan beliau
3. Bunyi di dapur
4. Suara kurang jelas
5. Berlaku perebutan untuk menjawab
6. Isteri beliau turut di temubual kerana beliau mempunyai masalah pendengaran serta masalah jantung. Beliau juga sudah lupa berkaitan latar belakang dan sejarah pendidikan beliau dan ini dapat dikumpul maklumatnya melalui isteri beliau.

Namun begitu, temubual ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan masalah yang dihadapi dapat diatasi dan sesi temubual ini berjalan dengan lancar.

## **8.0 LOG TEMUBUAL**

### **LOG WAWANCARA**

Nur Shahirah Binti Hamzah dan Nur Amirah Najihah Binti Azman menemubual Encik Haji Ibrahim Hassan dan Puan Hajah Zaiton Haji Yazid, yang dilahirkan pada 1955 dan 1956, di Kelantan. Temubual dijalankan di Lembah sireh, Kelantan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup dalam industri batik.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN PENGENALAN</b>		
0:04	Temubual dimulakan	Ayat pembukaan temubual dimulakan
0:46	Sesi pengenalan bersama tokoh dan isterinya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lokasi temubual [Lembah sireh, Kelantan]</li> <li>• Nur Shahirah Binti Hamzah</li> <li>• Nur Amirah Najihah Binti Azman</li> </ul>
<b>BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG</b>		
1:04	Menyatakan nama penuh dan nama samaran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama penuh : Ibrahim Bin Hassan</li> <li>• Nama samaran : Ibrahim atau Haji Ibrahim</li> </ul>
1:18	Menyatakan nama penuh ibu dan bapa tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidah Binti Deraim</li> <li>• Hassan Sulaiman</li> </ul>
2:00	Menyatakan nama isteri tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zaiton Yazid</li> </ul>
2:42	Menyatakan bilangan anak tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 6 orang anak</li> </ul>
6:12	Menyatakan aktiviti yang sering dilakukan tokoh sewaktu masa lapang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermain bola</li> </ul>
15:52	Menyatakan buku kegemaran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku mewarna batik</li> </ul>
<b>BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
17:16	Menyatakan tahun tokoh dan isteri memulakan persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh pada tahun 1962</li> <li>• Isterinya pada tahun 1963</li> </ul>
18:59	Menyatakan nama persekolahan tokoh dan isteri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh bersekolah di Sekolah Menengah Putera</li> <li>• Isterinya bersekolah di Sekolah Menengah Kota</li> </ul>
20:46	Menyatakan matapelajaran kegemaran tokoh dan isteri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh : Bahasa Melayu</li> <li>• Isterinya : Bahasa Inggeris</li> </ul>

31:28	Menyatakan prinsip hidup tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Prinsip hidup tokoh untuk bekerja</li> <li>● Prinsip hidup isterinya untuk berjaya</li> </ul>
33:42	Menyatakan ungkapan nasihat daripada kedua ibu bapa tokoh mengenai pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya</li> </ul>

#### **BAHAGIAN C : KERJAYA AWAL**

35:04	Menyatakan bidang pekerjaan pertama tokoh dan isteri selepas tamat pengajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tokoh bekerja batik</li> <li>● Isterinya bekerja sebagai seorang kerani</li> </ul>
36:11	Menyatakan tempat pertama tokoh dan isteri mula bekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kampung Sireh</li> <li>● Kelantan English School</li> </ul>
37:15	Menyatakan tahun tokoh dan isteri mula bekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 1976</li> <li>● 1977</li> </ul>
40:46	Menyatakan kenangan manis tokoh semasa bekerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mendapat tauke yang baik</li> </ul>
42:59	Menyatakan dorongan tokoh menceburι bidang batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minat dalam seni batik</li> </ul>
44:19	Menyatakan orang yang mencadangkan pekerjaan batik kepada tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kakak tokoh sendiri</li> </ul>

#### **BAHAGIAN D : KERJAYA SENI**

47:40	Menyatakan lokasi atau tempat pertama tokoh mempelajari ilmu seni batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kampung sireh</li> </ul>
51:29	Menjelaskan bagaimana tokoh itu kekal bertahan dalam bidang batik untuk menyara keluarganya	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menurut nasihat kraftangan</li> <li>● Mencari kedai seperti di RTC kelantan</li> </ul>
53:05	Menyatakan sebab tokoh memilih bidang seni batik, berbanding seni yang lain seperti seni tekap, tembikar atau sebagainya	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memulai dengan bidang batik dan bekerja dengan seseorang yang membuat batik.</li> <li>● Membuat perbandingan antara bekerja dan berbisnes dan melihat bisnes lebih</li> </ul>

		menguntungkan kerana penghasilannya lebih jelas.
57:44	Menyatakan nama orang pertama mengajar tokoh mengenai batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad</li> </ul>
1:06:17	Menyatakan corak batik yang paling rumit untuk dihasilkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melukis</li> </ul>
1:08:35	Menyatakan permintaan corak batik yang paling susah dilukis atau dihasilkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Batik blok</li> </ul>
1:10:00	Menyatakan pandangan tokoh tentang corak batik yang paling terkenal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Batik blok</li> </ul>
1:13:44	Menyatakan teknik batik yang susah dilakukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewarnakan batik</li> </ul>
1:21:25	Menyatakan tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan satu tempahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut kuantiti sekiranya satu helai dalam satu hari atau dua hari</li> </ul>
1:24:17	Menyatakan cara pembahagian masa dalam membuat batik dan juga bersama keluarga oleh tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada waktu pagi bekerja dan pada waktu petang dan malam waktu bersama keluarga</li> </ul>

#### **BAHAGIAN E : SUMBANGAN/CABARAN**

1:25:53	Menyatakan sumbangan lain yang pernah tokoh berikan kepada masyarakat ataupun dalam kalangan penduduk setempat selain mengajar mereka mengenai ilmu batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya kepada budak praktikal</li> <li>• Menanggung semua kos seperti rumah sewa, makanan, dan minuman.</li> <li>• Memberikan kain atau duit sebagai hadiah setelah tamat praktikal</li> </ul>
1:27:50	Menyatakan cara yang terbaik untuk sentiasa mengekalkan batik di pasaran dan juga dikalangan remaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan memiliki peranan penting dalam mengembangkan dan</li> </ul>

		mempromosikan industri batik dalam berbagai aspek
<b>BAHAGIAN F : HARAPAN</b>		
1:29:41	Menyatakan harapan tokoh kepada generasi yang sekarang yang berkecimpung di dalam bidang seni batik ini	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari generasi baru hingga generasi lama, rekabentuk harus selalu diperbarui dan teknik-teknik baru juga digunakan untuk memberikan kesan yang berbeza</li> <li>• Oleh itu, kerajaan diperlukan dalam memainkan peranan membuat pembaharuan dalam bidang batik</li> </ul>
<b>BAHAGIAN PENUTUP</b>		
1:42:59	Sesi penutup bersama tokoh dan isterinya	Lokasi temubual [Lembah sireh, Kelantan]

## 9.0 HASIL KAJIAN

Nama beliau ialah Ibrahim bin Hassan. Beliau digelar Haji oleh masyarakat perkampungan di Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan. Nama isteri beliau ialah Zaiton binti Yazid. Mereka mendirikan rumah tangga pada tahun 1979 dan mempunyai enam orang cahaya mata. Pada usia beliau sekarang, beliau telah mempunyai sebelas orang cucu. Pada usia muda Haji, dia telah berkecimpung dalam bidang batik menjadi seorang pekerja kepada tauke nya yang bernama Mohamad. Mohamad banyak mencurahkan ilmu terhadap beliau, kerana mereka merupakan saudara mara dekat. Isteri beliau terlibat dengan pembuatan batik setelah berhenti bekerja dan ingin menolong beliau dalam perusahaan batik ini.

Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar kepada ramai orang berkaitan dengan pembuatan batik. Antara sumbangan yang paling bermakna yang beliau pernah sumbangkan adalah menjadi tenaga pengajar kepada pelajar praktikal dan memberikan ilmu pembuatan batik, campuran warna, serta beliau juga menyediakan tempat tinggal dan memberi mereka makan secara percuma apabila mereka menjadi pelajar praktikal di tempat pembuat batik beliau. Sebagai seorang AJK persatuan batik di Kelantan, kerja beliau tidak mudah. Beliau pernah menyuarakan kepada kerajaan untuk menaikkan atau menggunakan semula batik Malaysia yang sebelum ini sering dipakai pada hari khamis oleh pihak yang terlibat. Sekarang, pekerja batik beliau semakin berkurang dan ramai pelajar praktikal tidak sambung dalam bidang ini. Hanya segelintir daripada mereka yang menyambung minat untuk menaikkan kembali batik Malaysia.

Seni batik adalah salah satu seni kraf tradisional yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Melalui proses melukis atau mencanting malam pada kain, seniman batik mencipta corak unik yang membedakan batik daripada jenis kain lainnya. Warisan industri batik telah membuktikan bahawa nilai kreativiti dan inovasi dalam seni budaya berperan penting dalam membangun industri kreatif. Seni batik bukan sekadar karya seni, ia telah menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Kegemilangan seni batik tidak hanya memainkan peranan dalam mempertahankan nilai-nilai tradisi dan reka bentuk seni, tetapi juga membentuk industri pakaian, bahan, dan teknologi tekstil. Pentingnya seni batik dalam aspek ekonomi, sosial, dan pendidikan telah dikenali oleh semua pihak. Dalam aspek ekonomi, industri batik memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## DIARI KAJIAN

NO	TARIKH & MASA	TINDAKAN	CATATAN
1	20/03/2023 8pagi – 10pagi	Pensyarah memaklumkan mengenai tugas yang harus dilakukan. Pensyarah memaklumkan bahawa pelajar perlu mencari seorang tokoh untuk ditemubual dan menyediakan soalan temubual dan memaklumkan mengenai perkara yang harus dilakukan selepas temubual dijalankan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Berbincang dengan rakan sekumpulan untuk mencari tokoh yang sesuai ditemubual.</li> <li>● Satu kumpulan terdiri daripada dua orang pelajar.</li> </ul>
2	25/03/2023 9pagi – 10pagi	Pensyarah memaklumkan melalui group Whatsapp bahawa pelajar perlu mula mencari seorang tokoh untuk ditemubual dan boleh menyediakan <i>abstract</i> mengenai tokoh tersebut.  Pelajar harus memaklumkan kepada pensyarah terlebih dahulu mengenai tokoh yang akan ditemubual.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mula mencari tokoh-tokoh yang sesuai untuk ditemubual</li> <li>● Tema temubual tokoh : Seniman Veteran dan Tokoh Seni Warisan Tempatan</li> </ul>

3	28/03/2023 8pagi – 10pagi	Taklimat untuk soalan temubual dilakukan. Pensyarah memberi penerangan mengenai jenis soalan yang sesuai ditanya ketika sesi temubual dilakukan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mula melakukan sedikit kaji selidik mengenai soalan solan yang sesuai untuk ditanya.</li> </ul>
4	05/04/2023 10pagi- 11pagi	Pensyarah memberi beberapa senarai tokoh yang sesuai ditemubual.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berbincang dengan rakan sekumpulan mengenai tokoh yang akan dipilih.</li> </ul>
5	09/04/2023 8pagi- 10pagi	Memberitahu pensyarah untuk mengenai tokoh yang dipilih.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersetuju untuk memilih Encik Haji Ibrahim sebagai tokoh untuk ditemubual.</li> </ul>
6	16/04/2023 10pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mula menghubungi tokoh Encik Haji Ibrahim untuk memaklumkan mengenai tugas yang harus dilakukan oleh kami.</li> <li>Mendapat maklum balas dari pihak beliau bahawa beliau bersetuju untuk ditemubual.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Encik Haji Ibrahim menerusi panggilan telefon.</li> <li>Mula melakukar sedikit pencarian di Internet mengenai perusahaan yang dilakukan oleh Encik Haji Ibrahim.</li> </ul>

7	18/04/2023 8pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Melakukan kajian mengenai tokoh yang akan ditemubual</li> <li>● Mula menyiapkan soalan-soalan yang akan di soal semasa temubual</li> <li>● Berbincang mengenai Tarikh yang sesuai untuk menemu bual Tokoh tersebut.</li> </ul>	Mula membahagikan tugas mengikut skop kerja masing masing.
8	26/04/2023 10pagi	Menghubungi tokoh untuk bertanyakan mengenai pengesahan tarikh dan tempat untuk di temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bercadang untuk mengadakan pertemuan secara bersemuka bersama Encik Haji Ibrahim.</li> <li>● Telah mencadangkan tarikh kepada Encik Haji Ibrahim</li> </ul>
9	09/05/2023 10pagi	Menyediakan surat kebenaran dari pihak UiTM untuk menjalankan temubual.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memohon melalui email</li> <li>● Mencetak surat tersebut</li> </ul>
10	14/05/2023 10pagi	Menghubungi pensyarah untuk bertanya mengenai soalan-soalan yang akan ditemubual pada hari menemubual.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menghubungi pensyarah melalui aplikasi Whatsapp.</li> </ul>

11	15/05/2023 10pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menghubungi Tokoh tersebut untuk mendapatkan pengesahan mengenai tarikh yang dicadangkan.</li> <li>● Tokoh telah memberikan maklum balas dan menetapkan tarikh untuk di temubual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memastikan soalan yang akan di temubual disiapkan sebelum tarik temubual</li> </ul>
12	07/06/2023 11pagi- 12tengahari	Bertemu pensyarah di biliknya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pensyarah membantu memberi idea dan membimbing gerak kerja yang akan dilakukan.</li> </ul>
13	05/07/2023 10pagi- 12tengahari	Menemubual Encik Haji Ibrahim di Lembah Sireh, Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Temubual berjalan dengan lancar</li> </ul>
14	10/07/2023	Melihat semula rakaman yang telah direkod	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menonton bersama ahli kumpulan</li> </ul>
15	21/07/2023 10pagi	Berbincang dengan rakan sekumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membahagikan tugas masing-masing</li> </ul>
16	28/07/2023 10pagi- 1petang	Mengemaskini latar kajian, artikel ,objektif dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masing-masing memainkan peranan untuk mengemaskini tugasan.</li> </ul>

17	30/08/2023	Mengemaskini transkrip	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap ahli kumpulan mengemaskini bahagian masing-masing</li> </ul>
18	31/08/2023	Menghantar Transkrip	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar hardcopy dan softcopy kepada pensyarah</li> </ul>

## INDEKS

### A

Agama, 31  
Anak, 19, 58, 65, 66

### B

Batik, 11, 12, 13, 14, 18, 25, 35, 42, 48, 51, 52, 55, 56, 58, 59, 60, 61, 63, 65, 66, 72, 81  
Brunei, 15, 23

### C

China, 55, 67

### D

Design, 81

### G

Garisan, 56

### I

Indonesia, 11, 14, 52, 66  
Inggeris, 28, 31, 41

### K

Kain, 25, 55, 57  
Kraftangan, 51, 52, 67

### L

Lembah sireh, v, 12, 18, 69, 70, 73  
Lukis, 57, 58

### M

Malaysia, 11, 14, 15, 23, 31, 41, 51, 52, 61, 62, 66, 74, 81

### P

Pencapaian, 46  
Prinsip, 37, 70, 71

### R

Reka, 54

### S

Sabah, 23, 63  
Sarawak, 23, 52, 63  
Silat, 43

### T

Thailand, 52

### W

Warna, ii, 11, 13, 58, 59, 60, 66

### Z

Zaman, 20

## RUJUKAN

- Hafiza, G. N., Marzuki, I., & Soliana, W. M. Z. [2021]. The application of batik block motifs and marbling technique as pattern designs in contemporary batik. *Nucleation and Atmospheric Aerosols*. <https://doi.org/10.1063/5.0052330>
- Hussin, Haziyah [2006] *Motif alam dalam batik dan songket Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. ISBN 9836292411
- Kari, R., Samin, M. A., & Legino, R. [2017]. Sustainability of the batik block industry in Kelantan and Terengganu. *Advanced Science Letters*. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.10149>
- Lias, H., Ismail, A. R., & Hamid, H. A. [2020]. Malaysia Textile Craft Industry: Innovation inspired by Bamboo for Batik Block contemporary design. *IOP Conference Series*, 549[1], 012087. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/549/1/012087>
- Mohammed, M. N., Hamid, H. R., Al-Zubaidi, S., Zamani, N. S., & Abdullah, M. I. [2019]. A New Design of Batik Production Machine Using IOT Technology. *Springerlink*. <https://doi.org/10.1109/icspc47137.2019.9068064>
- Razali, H. M., Ibrahim, M., Omar, M. N., & Hashim, S. [2021]. Current challenges of the batik industry in Malaysia and proposed solutions. *Nucleation and Atmospheric Aerosols*. <https://doi.org/10.1063/5.0055651>
- Shaharuddin, S. I. S., Shamsuddin, M. S., Drahman, M. H., Hasan, Z., Asri, N. a. M., Nordin, A. A., & Shaffiar, N. [2021b]. A review on the Malaysian and Indonesian batik production, challenges, and innovations in the 21st century. *SAGE Open*, 11[3], 215824402110401. <https://doi.org/10.1177/21582440211040128>
- Shamsuddeen, S., & D, W. S. a. W. M. [2022]. Batik in Visual Art. *EUDL European Union Digital Library*. <https://doi.org/10.4108/eai.24-8-2021.2315171>

## LAMPIRAN

### SENARAI SOALAN

#### A. LATAR BELAKANG

1. Bolehkah kami tahu nama penuh Encik
2. Adakah Encik mempunyai nama panggilan atau nama yang sering dipanggil oleh kenalan?
3. Apakah nama penuh bapa Encik?
4. Apakah nama penuh ibu Encik?
5. Bila dan dimanakah Encik dilahirkan?
6. Berapakah bilangan adik- beradik Encik?
7. Pada tahun berapakah Encik mendirikan rumah tangga?
8. Boleh kami tahu apakah nama isteri Encik?
9. Apakah pekerjaan isteri Encik?
10. Bolehkah Encik kongsikan sedikit sebanyak mengenai perkahwinan Encik?
11. Bolehkah kami tahu Encik mempunyai berapa orang anak?
12. Adakah Encik masih mempunyai anak yang dalam tanggungan universiti atau semuanya sudah bekerja?
13. Adakah anak-anak Encik sudah berkahwin semuanya?
14. Adakah Encik sudah mempunyai cucu sekarang?
15. Boleh Encik kongsikan tentang pengalaman pada zaman kanak-kanak?
16. Bolehkah Encik ceritakan tentang cara didikau dan asuhan yang diberikan oleh ibu dan ayah kepada Encik dan adik beradik?
17. Apakah aktiviti yang Encik sering lakukan sekiranya mempunyai masa lapang?
18. Apakah cita-cita yang Encik impikan sewaktu kecil sebelum menjadi seorang yang pakar dalam bidang batik?
19. Siapakah yang tinggal bersama Encik sekarang?
20. Siapakah idola Encik?
21. Apakah buku kegemaran Encik?

#### B. SEJARAH PENDIDIKAN

1. Pada tahun berapakah Encik mula bersekolah?
2. Dimanakah Encik mula bersekolah rendah?
3. Dimanakah sekolah menengah Encik?
4. Dimanakah Encik menyambung pelajaran selepas SPM?
5. Adakah sekolah Encik berdekatan dengan rumah?
6. Apakah matapelajaran kegemaran Encik semasa di zaman sekolah?

7. Boleh kami tahu mengapakah Encik meminati matapelajaran itu?
8. Adakah Encik bergiat aktif semasa di bangku sekolah rendah seperti menyertai persatuan atau acara sukan?
9. Apakah antara halangan yang Encik hadapi sewaktu mendapatkan pendidikan pada masa tersebut?
10. Sewaktu zaman sekolah, pernahkan Encik menyandang apa-apa jawatan?
11. Apakah kenangan yang Encik tidak dapat lupakan sewaktu bersekolah? Boleh Encik kongsikan?
12. Apakah cita-cita Encik semasa dibangku sekolah?
13. Bolehkah Encik ceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah ketika Encik dan adik beradik melanjutkan pelajaran?
14. Apakah yang menjadi dorongan utama Encik ketika belajar?
15. Apakah prinsip hidup Encik ketika itu?
16. Apakah yang membuatkan Encik bersemangat untuk meneruskan pelajaran pada waktu tersebut walaupun terdapat banyak halangan?
17. Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu tenikir di bibir kedua ibubapa kepada Encik mengenai pelajaran?

### C. KERJAYA AWAL

1. Apakah bidang pekerjaan pertama Encik selepas tamat pengajian?
2. Dimanakah tempat pertama Encik mula bekerja?
3. Pada tahun bilakah Encik mula bekerja?
4. Adakah Encik pernah melibatkan diri dalam bidang seni di usia muda?
5. Adakah iaanya dengan kehendak Encik sendiri atau dipaksa oleh keluarga?
6. Berapakah anggaran gaji bulanan yang diperolehi?
7. Apakah kenangan manis semasa bekerja?
8. Apakah pencapaian Encik pada ketika itu?
9. Apakah yang mendorong Encik menceburji bidang batik?
10. Adakah seseorang dalam kalangan rakan Encik yang mencadangkan pekerjaan itu?
11. Dengan menceburji bidang batik, adakah Encik mendapat sokongan yang kuat daripada keluarga?
12. Adakah Encik mendapat tentangan dari keluarga selepas mereka tahu Encik menceburji bidang seni batik?
13. Siapakah yang banyak memberi galakkan kepada Encik sepanjang bekerja?
14. Adakah Encik mempunyai pekerjaan lain sebelum meminati bidang batik?
15. Pada pandangan Encik, adakah pekerjaan dalam bidang seni batik lebih mudah berbanding dengan pekerjaan yang sebelumnya?

#### D. KERJAYA SENI

1. Adakah Encik masih ingat lokasi ataupun tempat pertama Encik mempelajari ilmu seni batik ini?
2. Pada tahun pertama Encik menceburi bidang batik adakah Encik mendapat sambutan hingga sekarang?
3. Bagaimanakah Encik kekal bertahan dalam bidang batik untuk menyara keluarga Encik?
4. Bolehkah Encik ceritakan bagaimana Encik boleh berminat dengan seni batik?
5. Mengapakah Encik memilih bidang seni batik, berbanding seni yang lain seperti seni tekap, tembikar atau sebagainya?
6. Boleh kami tahu apakah kemudahan seperti alat-alatan untuk menghasilkan batik yang terdapat pada waktu itu?
7. Berapakah tenaga pengajar yang mengajar Encik mengenai batik?
8. Siapakah nama orang yang pertama mengajar Encik berkaitan batik ini?
9. Bolehkah Encik ceritakan sedikit mengenai orang tersebut, seperti apakah kepakaran beliau?
10. Berdasarkan pengalaman Encik, apakah keunikan yang terdapat pada batik?
11. Encik juga pernah menjadi sebagai salah seorang tenaga pengajar yang mengajar orang ramai mengenai penghasilan batik ini. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sewaktu mengajar mereka?
12. Berapakah kos yang digunakan untuk menghasilkan batik?
13. Adakah alatan yang diperlukan mudah untuk Encik dapat atau perlu di tempah khas?
14. Berdasarkan pengalaman Encik, corak batik jenis yang manakah yang paling rumit untuk dihasilkan?
15. Apakah permintaan corak batik yang paling susah dilukis atau dihasilkan?
16. Adaiah Encik menghasilkan corak yang susah itu seorang diri ataupun mendapatkan pertolongan daripada pihak lain seperti kawan-kawan dan sebagainya?
17. Corak batik yang manakah yang paling terkenal. Yang sekarang dan sebelum ini?
18. Teknik batik yang manakah yang paling susah dilakukan?
19. Menurut pandangan encik dan puan adakah alat-alat kemudahan teknologi sekarang ni lebih elok digunakan berbanding alatan dahulu untuk menghasilkan batik?
20. Anggaran berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu tempahan?
21. Apakah platform media sosial yang digunakan oleh Encik untuk mempromosikan batik yang dihasilkan?
22. Bagaimanakah Encik melayan pelanggan yang mempunyai kerengah yang cerewet?

23. Bagaimanakah Encik membahagikan masa dalam membuat batik dan juga bersama keluarga?
24. Bolehkah Encik kongsikan antara pengalaman yang amat bermakna buat Encik sepanjang Encik berada dalam bidang batik?

#### **E. SUMBANGAN / CABARAN**

1. Apakah antara sumbangan lain yang pernah Encik berikan kepada masyarakat ataupun dalam kalangan penduduk setempat selain mengajar mereka mengenai ilmu batik ini?
2. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk sentiasa mengekalkan batik di pasaran dan juga dikalangan remaja?
3. Adakah encik dan puan rasa batik akan sentiasa dingati dan digunakan sehingga masa akan datang?

#### **F. HARAPAN**

1. Apakah harapan Encik kepada generasi sekarang yang berkecimpung di dalam bidang seni batik ini?

## SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Hg. Ibrahim Hassan  
Pu. Iqbal Zaitun Hj Taizid KTP: .....  
Saya ..... pada ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:



1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/tuntutan dari mana-mana pihak. Walau bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-iranskrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik penyelidik

.....  
Nama: .....  
Tarikh: 5/3/23


(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
Tarikh:  
b.p. Pendlong Naib Canselor Pengajian  
SainsMaklumat Kolej Pengajian Pengkomputeran,  
Informatik dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## GAMBAR





## SIJIL ANUGERAH



## SIJIL PENGHARGAAN



Universiti  
Teknologi MARA

Cawangan  
Kelantan-Kampus  
Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)  
Tarikh : 09 Mei 2023

### KEPADА SESIAPА YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

#### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	NUR AMIRAH NAJIHAH BINTI AZMAN	2021127967
2	NUR SHAHIRAH BINTI HAMZAH	2021127949

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (05) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami ralik dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi **NUR AMIRAH NAJIHAH BINTI AZMAN** di talian

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK PENOLONG  
PENDAFTAR KANAN b.p Rektor

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan  
KelantanBukit Ilmu, 18500 Machang,  
Kelantan  
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)9762156  
Email: [rheakdn@kelantan.uitm.edu.my](mailto:rheakdn@kelantan.uitm.edu.my)

